

Jangan cepat bertindak balas isu sensitif – PM

KUCHING 19 Okt. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan rakyat supaya tidak cepat 'melatah' dan terburu-buru bertindak balas terhadap sesuatu insiden yang melibatkan sensitiviti agama dan kaum di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, kebelakangan ini terdapat pihak-pihak tertentu yang agak pantas bertindak balas apabila timbul sesuatu isu sensitif yang menyentuh mengenai agama dan kaum.

Sepatutnya kata beliau, jika timbul sebarang isu, ia perlu ditangani secara berhati-hati dan kerajaan dalam hal itu selalu mengadakan perbincangan dengan Jemaah Menteri supaya isu yang berlaku tidak merebak dan menimbulkan masalah yang lebih besar.

Beliau yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri turut mengingatkan pihak media supaya lebih bertanggungjawab dan berhati-hati dalam menyiarkan berita-berita yang menyentuh agama dan kaum.

"Kerajaan tidak berniat mahu mengawal mereka tetapi media perlu faham sebarang kenyataan, laporan mungkin boleh memburukkan keadaan sehingga mencetuskan ketegangan (kaum).

"Media perlu lebih berhati-hati dan semua pihak juga perlu ada rasa tanggungjawab untuk mengelak isu sensitif antara kaum menjadi lebih buruk," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di majlis Ramah Mesra Aidilfitri di Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di Petra Jaya di sini, hari ini.

Turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Laila Taib serta menteri-menteri Kabinet Sarawak.

Majlis itu dianjurkan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak.

Menurut Abdullah, untuk mengurangkan sensitiviti antara kaum, perpaduan di kalangan masyarakat berbilang keturunan perlu dipereratkan menerusi program yang melibatkan penyertaan kaum lain seperti rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri.

Menurutnya, program seumpama itu perlu diperbanyakkan supaya perpaduan menjadi kukuh, benar-benar kuat dan erat.

"Apabila kita memahami dengan baik rakan-rakan kita (dari agama dan keturunan lain) dan kita rasa selesa dengannya, maka pada waktu itu kita akan berasa kurang sensitif kerana kita tidak akan



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Jeanne Abdullah serta Abdul Taib Mahmud (empat dari kiri) dan isteri, Laila Taib bersama menteri-menteri Kabinet Sarawak memotong kek Hari Raya pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri di Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di Petra Jaya, Kuching, semalam.

berprasangka di sebalik perkara-perkara yang mereka perkatakan," jelasnya.

Jelas Perdana Menteri, usaha mewujudkan perpaduan yang jitu tidak pernah luntur sejak merdeka dan kerana mahu memupuk perpaduan kaum, BN mengamalkan dasar perkongsian kuasa.

Untuk itu, jelas Perdana Menteri, perpaduan harus dijadikan budaya dan tabiat di kalangan masyarakat negara ini bagi membentuk persefahaman di antara kaum.

"Hubungan mesra antara kaum yang wujud hari ini melambangkan persefahaman, sikap toleransi dan saya percaya apabila negara kita aman, kita dapat menjalani hidup dengan selamat.

"Sebenarnya itulah yang kita sama-sama mahukan dan jika kita mahu melakukannya, ia boleh dicapai," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri melahirkan rasa gembira kerana penganjuran rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfri-

tri beliau dan menteri-menteri Kabinet di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur dihadiri ribuan pengunjung yang terdiri daripada pelbagai kaum.

"Di kalangan dunia Islam, sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara kita mungkin yang paling unik diraikan.

"Ini kerana hari kebesaran umat Islam ini turut dimeriahkan dengan kehadiran oleh mereka daripada agama dan kaum lain," katanya.

– Gambar ZUL AZHAR SHEBLEE